

KAJIAN SEPARUH PENGGALRANCANGAN PENGURUSAN HUTAN NEGERI MELAKA

2016-2025

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latar belakang

Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan (RPH) bagi tempoh sepuluh (10) tahun adalah satu keperluan yang perlu dipatuhi oleh setiap Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Ia merupakan asas rujukan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan secara sistematik melalui pelaksanaan tindakan strategik dan bersasar, serta pelaksanaan aktiviti mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Secara tidak langsung, ianya dapat menjamin kemampanan kepelbagaian biologi dan perkhidmatan hutan yang bermutu selain mempunyai nilai tambah yang selari dengan keperluan dan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

Antara strategi utama dalam RPH Negeri Melaka bagi tempoh 2016-2025 adalah dengan memberi tumpuan kepada pembangunan konsep ekopelancongan, di mana ia adalah selari dengan program Perhutanan Masyarakat dan juga Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Pembangunan konsep Pelancongan Berasaskan Komuniti dan konsep Pelancongan Cabaran juga dirancang berdasarkan kekuatan sumber di setiap kawasan HSK di Negeri Melaka merupakan satu (1) kelebihan kepada pihak JPNM untuk memperkenalkan konsep pelancongan tersebut. Penyediaan tenaga kerja dan pegawai yang mahir dan terlatih dalam bidang perhutanan dan ekopelancongan di peringkat jabatan turut diberi perhatian.

Keperluan pelaksanaan Kajian Separuh Penggal

RPH Negeri Melaka 2016-2025 JPNM, ia merupakan Perancangan jangka-sederhana yang melibatkan tempoh masa selama sepuluh (10) tahun, dan

perlu dipantau pelaksanaannya. Sehubungan itu, Kajian Separuh Penggal (lima tahun) RPH Negeri Melaka 2016-2025 yang dijalankan ini adalah bagi memenuhi objektif-objektif berikut:-

- i. Untuk menilai kemajuan yang telah dicapai semenjak RPH Negeri Melaka 2016-2025 disiapkan untuk dilaksanakan;
- ii. Untuk mengenalpasti kekangan dan cabaran dalam pelaksanaan RPH;
- iii. Untuk memberikan idea-idea baru dalam bidang pengurusan HSK bagi tujuan pengurusan, penggunaan, dan pemuliharaan yang lebih jitu di masa hadapan;
- iv. Untuk menetapkan halatuju yang baru bagi pengurusan, pemuliharaan, dan pembangunan HSK Negeri Melaka secara mampan;
- v. Untuk menambah baik dan meningkatkan kemahiran kakitangan JPNM dalam mentadbir, mengurus, dan membangun sumber dan ekosistem HSK Negeri Melaka; dan
- vi. Untuk memastikan pengurusan HSK Negeri Melaka mematuhi prinsip dan kriteria pensijilan hutan mampan, dan amalan perhutanan berwibawa khususnya Kriteria dan Petunjuk untuk Pensijilan Pengurusan Hutan di Malaysia [MC&I (Hutan Asli)] dan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015) JPSM.

Kaedah dan pendekatan Kajian Separuh Penggal

Kajian Separuh Penggal RPH Negeri Melaka 2016-2025 ini adalah bertujuan untuk memantau tahap kemajuan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dalam tempoh RPH ini. Sekiranya terdapat apa-apa isu, halangan, atau kekangan; siasatan bagi mengenalpasti punca dan cadangan kaedah bagi menyelesaikannya perlu dibincangkan dalam Kajian Separuh Penggal ini. Kajian Separuh Penggal ini juga mengambilkira keperluan dan fokus semasa yang mungkin tidak timbul sewaktu RPH disiapkan dahulu. Faktor-faktor lain yang berpotensi mempengaruhi pelaksanaan RPH ini seperti perubahan polisi dan undang-undang juga diteliti dan dibahasakan di sini. Penilaian dan pandangan secara saintifik juga diberi bagi berhubung isu-isu yang berkaitan bagi meningkatkan tahap keberkesanan Kajian Separuh Penggal ini.

Dapatan kajian

Berdasarkan jumlah populasi, penduduk negeri Melaka direkodkan bertambah daripada 0.92 juta pada 2018 kepada 0.93 juta pada 2019 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan mencapai 0.6 peratus. Pertambahan populasi di Negeri Melaka dilihat selari dengan pertumbuhan KDNK Negeri, di mana ia mencatatkan peningkatan sebanyak 2.77 peratus secara keseluruhannya pada RM43.61 juta pada 2019 berbanding tahun sebelumnya (2018) (RM42.41 juta). KDNK Negeri Melaka pula menyumbang sebanyak 3.1 peratus pada KDNK Negara. KDNK Negeri Melaka bagi aktiviti pertanian (perhutanan dan pembalakan adalah sub-kategori aktiviti pertanian) direkodkan sebanyak RM4.44 juta pada 2019 yang menyumbang kepada 10.2 peratus pada KDNK Negeri Melaka.

Sehingga Jun 2019, keluasan Hutan Simpan Kekal (HSK) negeri Melaka direkodkan bertambah sebanyak 61.95 ha, berbanding empat (4) tahun sebelumnya (2015; 5, 137.54 ha). Pewartaan tambahan jenis hutan paya laut (Hutan Paya Laut Merlimau) pada tahun 2015, menjadikan rekod Hutan Paya Laut bertambah sebanyak 33.62 ha. Pada tahun 2016 pula, terdapat dua HSK baru yang diwartakan pada 27 Oktober 2016 yang terletak dalam Daerah Alor Gajah. Perkembangan sektor pelancongan di Negeri ini dilihat banyak memberi impak kepada sektor perhutanan terutamanya dari aspek pengurusan sumber hutan.

HSK Batang Melaka, HSK Bukit Sedanan, dan HSK Bukit Senggeh dilihat berperanan sebagai punca air bukit untuk disalurkan kepada empangan-empangan sedia ada. Hutan Paya Laut di negeri Melaka berperanan sebagai perintang menghadapi ombak-ombak daripada Selat Melaka, manakala HSK Sungai Udang, HSK Kuala Linggi dan HSK Tanjung Tuan berperanan sebagai kawasan berhampiran pintu keluar masuk (import dan eksport) di negeri Melaka. HSK Kuala Linggi dan HSK Tanjung Tuan berkemungkinan berhadapan dengan ancaman kemerosotan ekologi dan habitat kesan daripada industri pelabuhan, dan penapisan loji minyak dan gas.

Hutan merupakan anugerah semulajadi terbaik yang berperanan sebagai penapis larian air, pemegang struktur tanah, sumber kayu-kayuan dan makanan, serta paling utama penyimpan karbon dan pelepasan oksigen (udara segar). Selaras dengan aktiviti pembangunan semasa di negeri Melaka, HSK juga perlu dibangunkan dan dipelihara berdasarkan kepentingan sumbernya tersendiri.

Justeru itu, HSK di Melaka dicadangkan agar di jalankan pensemipadan semula, dan menyatakan status HSK secara lebih jelas agar pengurusan HSK lebih cekap. Ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan peranan dan tanggungjawab JPNM dalam menjaga kehijauan hutan bagi mengelakkan terjadinya bencana alam, dan sebagai penapis semulajadi dalam membekalkan air dan udara bersih ke seluruh rakyat negeri Melaka. Tindakan ini dapat menyeimbangkan antara peranan hutan terhadap sosio-ekonomi, dan yang paling utama adalah berperanan dalam mengekalkan kestabilan alam dan struktur geografi tanah.

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak JPNM sepanjang tempoh RPH ini, pihak JPNM dilihat berperanan penting sebagai perintis dan pemacu dalam merakyatkan hutan serta menjadikan hutan dan peranan hutan sebagai salah satu cabang ilmu pengetahuan awam, yang perlu dipelajari dan diambil tahu oleh segenap lapisan masyarakat. Perkembangan ilmu pengetahuan ini pada masa hadapan akan menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat awam bahawa tanggungjawab memelihara dan memulihara hutan kita adalah tanggungjawab bersama, tidak kira umur, bangsa, dan agama, dan JPNM bertindak sebagai koordinator, pengurus, dan perancang dalam merangka strategi dan aktiviti bagi menanam rasa sayang pada hutan dalam diri masyarakat.

Isu-isu berbangkit

Dalam Kajian Separuh Penggal RPH Negeri Melaka ini, terdapat tiga (3) isu berbangkit disarankan agar diberi penekanan, perhatian, dan tindakan lanjut iaitu:- i) aktiviti perlombongan pasir; ii) penyelesaian konflik dan hak perlindungan bersama komuniti tempatan dan pihak berkepentingan; dan iii) Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Kajian Impak Sosial (SIA). Sebarang pemboleh ubah, kemungkinan-kemungkinan, dan kebarangkalian yang merupakan impilkasi dari keputusan yang dibuat perlu diperhalusi, dan tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan hasil dari keputusan yang buat perlulah berdasarkan tempoh perancangan (Perancangan Jangka-pendek, Perancangan Jangka-sederhana, dan Perancangan Jangka-panjang) dan pelaksanaan aktiviti yang ditetapkan. Perbincangan berkaitan isu-isu berbangkit dalam Kajian Separuh Penggal RPH Negeri Melaka 2016-2025 ini dibincangkan seperti di bawah.

Potensi dan cabaran

Terdapat juga beberapa perkara yang tidak diberi penekanan khusus dalam RPH Negeri Melaka 2016-2025 ini, dilihat perlu ditambahbaik bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran aktiviti pengurusan dan pembangunan sumber hutan di Negeri Melaka. Perkara-perkara tersebut ialah:- i) pembangunan modal insan; ii) keberkesanan dan kualiti perhubungan serta penyampaian maklumat; iii) penukaran guna tanah dan pemulihan ekosistem; dan iv) penguatkuasaan peraturan dan undang-undang berkaitan hutan. Isu-isu berbangkit serta perkara-perkara berkaitan potensi dan cabaran itu juga dibincangkan secara saintifik dalam Kajian Separuh Penggal ini.

Kesimpulan

Dari kajian yang telah dijalankan, Pihak JPNM perlu memandang serius berhubung isu-isu dan perkara-perkara yang telah diutarakan dalam Kajian Separuh Penggal ini, seterusnya tindakan perlu diambil dalam tempoh lima (5) tahun berbaki RPH Negeri Melaka 2016-2025. Sesungguhnya tanggungjawab dalam memastikan keberkekalan dan kelestarian sumber serta hasil hutan merupakan tanggungjawab semua pihak, dan tidak hanya terpikul di bahu JPNM sahaja.

